

18 AUG 2000

SAID-OMAR/I

OMAR GESA PEMBENTUKAN PUSAT KEGIATAN PERKONGSIAN PINTAR

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO, 18 Ogos (Bernama) -- Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman semalam menggesa pembentukan sebuah pusat penyelarasan bersama atau pusat kegiatan bagi kegiatan perkongsian pintar sektor kerajaan dan swasta di Malaysia.

Dr Omar yang menghadiri persidangan dialog bersama SAID 2000 (Dialog Antarabangsa Afrika Selatan 2000), berkata perkongsian pintar seperti yang diamalkan sepanjang tahunan menerusi konsep Perbadanan Malaysia (Malaysia Inc) terdiri daripada pelbagai aspek.

Ini boleh dilihat menerusi pendekatan perbincangan meja bulat beberapa jabatan kerajaan, katanya yang memberi contoh sesi dialog pra-belanjawan antara kementerian kewangan serta kementerian perdagangan antarabangsa dan industri.

"Mungkin sudah tiba masanya bagi kita untuk menyepadukan semua kegiatan ini agar ia boleh diselaraskan," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita Malaysia mengenai SAID 2000.

Pusat kegiatan berpusat itu yang mungkin dibentuk di Jabatan Perdana Menteri atau sebahagian daripada MIGHT (Kumpulan Industri Malaysia bagi Teknologi Tinggi) akan mengumpul dan menyediakan dokumen bagi kegiatan-kegiatan ini bagi membolehkan perkongsian maklumat dengan pihak lain, katanya.

"Dalam dialog SAID, kami menggelarkannya "hubbing dan webbing", "katanya sambil menekankan ia adalah cara bagaimana penduduk rantau Afrika Selatan boleh menimba pengalaman dari Malaysia dalam mengamalkan perkongsian pintar.

Dr Omar berkata ketua-ketua Afrika Selatan selepas menghadiri SAID dan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dalam tempoh dua atau tiga tahun ini, dapat melihat relevan untuk mewujudkan perkongsian pintar di negara masing-masing.

"Ia adalah satu kejayaan yang boleh kita banggakan," katanya sambil menambah Namibia, Uganda, Zimbabwe, Mozambique, Botswana dan Malawi kini dalam usaha sama ada membentuk ataupun sedang merancang penubuhan pusat kegiatan perkongsian pintar di negara masing-masing.

Beliau juga berkata perkongsian pintar, sebagai satu konsep lama, perlu diguna pakai dalam konteks baru di mana di bawah suasana ekonomi semasa, negara-negara membangun sepatutnya bersatu dengan satu suara.

Dalam menangani isu-isu seperti globalisasi dan pembentukan arkitektur kewangan antarabangsa baru, satu kumpulan khas perlu dibimbing agar suara negara-negara membangun mempunyai peluang yang lebih baik untuk didengari, tambahnya.

Bagi perkembangan lain, beliau berkata landasan perkongsian pintar yang disediakan menerusi SAID, memudahkan syarikat-syarikat Malaysia seperti Petronas dan Telekom melabur di rantau Afrika Selatan.

Justeru Dr Omar menggesa sektor swasta Malaysia mengambil kesempatan penuh daripada dialog itu untuk membina rangkaian perniagaan dan meneroka peluang perniagaan.

Dialog SAID 2000 yang berlangsung selama tiga hari bermula 20 Ogos ini, akan dihadiri oleh ketua-ketua negara dan pegawai-pegawai daripada sektor swasta daripada rantau Afrika Selatan dan Malaysia.

Rombongan Malaysia akan diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

SAID 2000 adalah SAID keempat yang diadakan yang mengambil contoh

daripada LID. SAID pertama diadakan di Kasane, Botswana pada 1997, diikuti oleh Swakopmund, Namibia pada tahun berikutnya dan Victoria Falls, Zimbabwe tahun lalu.

Tema dialog tahun ini adalah "Aliran Perkongsian Pintar-Global dalam Ekonomi Sedang Muncul."

SAID 2000 dianjurkan bersama oleh Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi dan Pasukan Khas Nasional SAID 2000 Mozambique.

--BERNAMA

MAD ZK OS